

Kemelut politik zaman kesultanan Melayu dalam *Tuhfat al-Nafis*

ABSTRAK

Kemelut politik yang berlaku dalam sesebuah kerajaan adalah antara punca utama tercetusnya kejatuhan sesebuah kerajaan tersebut. Permasalahan ini wujud, apabila terdapat pihak yang tidak lagi mengikut undang-undang negeri dan tidak lagi memperjuangkan nilai moral dalam diri yang menjadi inti pati penting dalam agama Islam. Kegemilangan yang dikecapi dan diwarisi sebelum ini, begitu mudah dilupakan hanya kerana memenangkan nafsu serakah untuk memperjuangkan matlamat yang tidak pasti. Oleh itu, artikel ini membincangkan kemelut politik dalam sesebuah pemerintahan dan pentadbiran pada zaman kesultanan Melayu dengan menumpukan naskhah *Tuhfat al-Nafis* melalui kaedah kepustakaan.

Katakunci: Kemelut; Politik; Kesultanan Melayu; *Tuhfat al-Nafis*